

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 11 JULAI 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 11

Lima langkah gerakkan Naratif Ekonomi MADANI

Lima langkah gerakkan Naratif Ekonomi MADANI



Ketua Kluster
Kemakmuran
Ekonomi,
Pertubuhan IKRAM
Malaysia

Oleh Mohammad Abdul Hamid
bhrencana@bh.com.my

Naratif Ekonomi MADANI yang bakal dilancarkan kerajaan sebagai panduan hala tuju ekonomi negara bulan depan, sangat kritikal, tetapi bagaimanakah ia perlu digarap supaya menjadi pemacu seperti diharapkan?

Naratif itu perlu memenuhi keperluan negara dengan menangani isu kemiskinan dan jurang pembangunan antara wilayah, mewujudkan ekosistem kondusif dengan nilai tambah mampu mencipta peluang pekerjaan berkualiti serta melaksanakan pembangunan lestari dan mampan.

Ia juga sewajarnya merangkumi perancangan jangka pendek, sederhana dan panjang dengan mengambil kira isu serta cabaran melanda negara, termasuk berkait daya tahan kewangan isi rumah dan keselamatan sosial.

Isu dan cabaran berkaitan kos sara hidup dijangka berlarutan kerana pertumbuhan ekonomi dipengaruhi struktur ekonomi sedia ada serta faktor luar, memandangkan Malaysia mengamalkan ekonomi pasaran bebas melalui aktiviti perdagangan dengan pelbagai negara.

Isu struktur ekonomi sedia ada dimaksudkan berkait dengan pertumbuhan hutang isi rumah dan negara menyumbang kepada peningkatan kos sara hidup. Ia bukan unik di negara ini sahaja, bahkan fenomena di semua negara moden dipacu pertumbuhan ekonomi melalui industri hutang.

Sehubungan itu, untuk menangani isu kenaikan kos sara hidup pada punca utama, tumpuan Naratif Ekonomi MADANI hendaklah diberikan kepada perubahan pokok dengan alternatif mampu mengurangkan secara signifikan kebergantungan ekonomi negara daripada pertumbuhan hutang melalui lima langkah seperti disyorkan.

Pertama, membangunkan sistem ekonomi berasaskan sedekah sistemik dan sistematik. 'Sedekah' di sini hendaklah difahami dalam bentuk luas dan merujuk kepada sumbangan wajib atau tidak wajib, termasuk cukai dikenakan dan zakat (bagi umat Islam), bantuan kewangan atau harta benda, pengurangan tuntutan atau pengurangan, wakaf serta takaful.

Ini membabitkan kegiatan ekonomi berasaskan perkongsian keuntungan dan risiko secara saksama serta aktiviti perdagangan tulen.

Didik jadi masyarakat progresif

Sistemik dan sistematik merujuk kepada penggabungan serta pengagihan sumber diuruskan profesional dan tersusun membabitkan penyelaras dengan semua pemegang taruh, termasuk agensi kerajaan, komuniti perniagaan serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dengan memanfaatkan penubuhan Pangkalan Data Utama (PADU).

Kedua, mendidik masyarakat berteraskan nilai manusiawi murni untuk menjadi masyarakat progresif yang menekankan aspek kemanusiaan dan kejiwaan, termasuk dalam menangani isu kemis-

kinan dan kos sara hidup.

Antara nilai perlu diterap ialah masyarakat digalakkan berusaha mencari rezeki dan dilarang meminta-minta, kecuali bagi golongan benar-benar terdesak serta memerlukan.

Oleh itu, budaya menyumbang atau filantropi hendaklah disemarakkan dalam kalangan masyarakat dan komuniti perniagaan kerana ia sebagai sistem ekonomi berasaskan sedekah yang perlu dibangunkan secara sistemik dan sistematik.

Ketiga, menerapkan pendekatan dasar berasaskan bukti membabitkan pelaksanaan intervensi bersasar diukur keberkesanan sebelum dikembangkan pada skala besar.

Melalui pendekatan ini, sumber negara dapat dimanfaatkan secara optimum, manakala pembaziran dan ketirisan dielakkan. Ia boleh dilaksanakan untuk pelbagai inisiatif termasuk program subsidi, keusahawanan, pendidikan serta kesihatan.

Pendekatan dasar berasaskan bukti diperkenalkan di negara ini melalui inisiatif seperti projek *behavioural insights* oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia dan kajian penilaian keberkesanan program Kementerian Perpaduan Negara, tetapi perlu dilipat ganda dan dilaksanakan dengan meluas.

Kemudian, menguruskan sumber alam secara optimum agar pembangunan mampan untuk keperluan generasi sekarang dan generasi masa depan.

Keseimbangan ini sangat diperlukan agar pembangunan tidak mengorbankan kepentingan generasi masa hadapan dan merosakkan alam.

Kelima, menyediakan peluang pendidikan inklusif, saksama, berkualiti dan relevan dengan realiti semasa serta masa depan demi menghasilkan tenaga pekerja kreatif dan inovatif, sesuai keperluan negara.

Ini bermakna institusi pendidikan dan pengajian tinggi perlu bergerak pantas dengan menyediakan kurikulum relevan dengan pasaran pekerjaan serta permasalahan dihadapi negara.

Isu dan cabaran berkaitan kos sara hidup dijangka berlarutan kerana pertumbuhan ekonomi dipengaruhi struktur ekonomi sedia ada serta faktor luar